

13 APR 2001

Subramaniam-demonstrasi

KAKITANGAN KERAJAAN TIDAK HARUS TERLIBAT DALAM DEMONSTRASI JALANAN

KOTA BAHARU, 13 April (Bernama) -- Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) N.Siva Subramaniam berkata kakitangan kerajaan tidak seharusnya melibatkan diri dengan demonstrasi jalanan yang dirancang oleh aktivis reformasi esok.

Beliau berkata mereka perlu menyedari peruntukan undang-undang yang ada jelas melarang keras sebarang penyertaan kakitangan kerajaan dalam semua aktiviti yang menentang kerajaan.

"Mereka seharusnya tidak mengikut nafsu atau sebagai memenuhi kehendak pihak-pihak tertentu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan majlis dialog dengan guru-guru di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa tindakan menahan tujuh aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah bagi melindungi kepentingan hak asasi majoriti rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata ia sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelak rusuhan dan kerosakan akibat perhimpunan "Black 14" yang mereka rancang esok hingga boleh mengganggu ketenteraman majoriti rakyat.

Siva Subramaniam berkata kakitangan kerajaan patut belajar dan insaf dengan apa yang berlaku di luar negara sehingga mengakibatkan demokrasi dan keamanan terjejas.

Katanya sebarang kejadian yang tidak dingini akan menyusahkan rakyat dan menjejaskan usaha kerajaan menarik pelabur luar melabur di negara ini.

Beliau yakin kakitangan kerajaan tidak akan melibatkan diri dalam demonstrasi jalanan itu kerana mereka faham peraturan itu dan sedang menumpukan perhatian terhadap tugas masing-masing dengan penuh minat.

Sekiranya ada kakitangan terbabit, kerajaan boleh mengambil tindakan disiplin mengikut Perintah Am bab B, katanya.

-- BERNAMA

WM BD AKD